

KEARIFAN TEMPATAN SEBAGAI ‘URF SAHIH DALAM FIQH WATAN PAHANG: KERANGKA AUTORITI ADAT, AGAMA DAN BUDAYA

LOCAL WISDOM AS ‘URF SAHIH IN THE FIQH OF THE STATE OF PAHANG: A FRAMEWORK OF CUSTOMARY, RELIGIOUS, AND CULTURAL AUTHORITY

Muhammad Yusri bin Yusof @ Salleh^{1*}
Rahimin Affandi Abd Rahim²
Azman Yusof³
Ibrahim Majdi Mohd Kamil⁴
Amran Muhammad⁵

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. (E-mail: yusri613@uitm.edu.my).

² Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Perbadanan Muzium Negeri Pahang, (Muzium Pahang), Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia. (E-mail: faqir_ila_rabbih@um.edu.my)

³ Universiti Kuala Lumpur MICET, Pusat Islam Universiti Kuala Lumpur (UNIKL-MICET), Lot 1988, Kawasan Perindustrian Bandar Vendor, Taboh Naning, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia.
(E-mail: azmanyusof@unikl.edu.my).

⁴ Universiti Sains Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Bahagian Falsafah dan Tamadun, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia. (E-mail: ibrahimmajdi@usm.my)

⁵ Institut Ilmu Darul Makmur - Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP), Institut Ilmu Darul Makmur MUIP Education Sdn.Bhd. Tingkat 2, Lot 2-13, Mahkota Square, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang, Malaysia. (E-mail: institutilmudarulmakmur@gmail.com)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-2-2026
Revised date : 20-2-2026
Accepted date : 4-3-2026
Published date : 25-3-2026

To cite this document:

Yusof @ Salleh, M. Y., Abd Rahim, R. A., Yusof, A., Mohd Kamil, I. M., & Muhammad, A. (2026). Kearifan tempatan sebagai 'urf sahih dalam fiqh watan Pahang: Kerangka autoriti adat, agama dan budaya. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 335 – 352.

Abstrak: Artikel ini menganalisis kedudukan kearifan tempatan Melayu Pahang sebagai 'urf sahih dalam kerangka Fiqh Watan Pahang dengan memberi tumpuan kepada hubungan antara adat, autoriti agama negeri dan governan budaya Islam. Berasaskan analisis konseptual dan sintesis literatur, kajian ini menegaskan bahawa kearifan tempatan tidak wajar difahami sekadar sebagai adat kebiasaan atau fenomena budaya, tetapi sebagai kebijaksanaan sosial yang berfungsi dalam kerangka ijthadi khususnya dalam muamalat, kebajikan sosial dan pengurusan komuniti. Dapatan kajian memperincikan satu kerangka autoriti bertingkat yang memposisikan; (i) syariah dan maqasid Syariah sebagai autoriti epistemik tertinggi, (ii) wali al-amr serta institusi agama negeri sebagai autoriti pengesahan dan penginstitusian, dan (iii) kearifan tempatan sebagai 'urf sahih bersyarat yang menyokong pelaksanaan hukum dan kestabilan sosial. Kerangka ini menolak kedua-dua ekstrem penolakan literal terhadap budaya tanpa analisis konteks dan penerimaan terhadap adat tanpa tapisan syariah. Dari sudut

teoretikal, kajian ini menyumbang kepada pengembangan wacana ‘urf dan fiqh kontekstual dengan menekankan dimensi autoriti institusi dan fiqh al-ahwal sebagai pelengkap kepada fiqh al-nusus. Dari sudut polisi dapatan kajian menyediakan asas normatif kepada institusi agama Negeri Pahang untuk menilai, menapis dan menginstitusikan adat secara sistematik, sekali gus memperkukuh legitimasi Islam sebagai sistem tadbir urus negeri yang berakar dalam realiti tempatan.

Kata kunci: Kearifan tempatan; ‘urf sahih; Fiqh Watan Pahang; autoriti negeri; governan Islam; maqasid al-shariah.

Abstract: *This article examines the position of local wisdom in Pahang Malay society as ‘urf sahih within the framework of Fiqh Watan Pahang focusing on the relationship between custom (adat), state religious authority, and Islamic cultural governance. Employing conceptual analysis and literature synthesis, the study argues that local wisdom should not be reduced to customary practice or cultural expression, but understood as socially embedded wisdom operating within the ijthadi domain, particularly in muamalat, social welfare, and community governance. The findings propose a tiered authority framework that positions; (i) Shariah and maqasid al-shariah as the highest epistemic authority, (ii) the wali al-amr and state religious institutions as authorities of validation and institutionalization, and (iii) local wisdom as a conditional ‘urf sahih supporting the practical implementation of Islamic law and social stability. This framework rejects both literalist rejection of culture devoid of contextual analysis and relativistic acceptance of custom without Shariah filtering. Theoretically, the study advances contemporary ‘urf and contextual fiqh discourse by emphasizing institutional authority and fiqh al-ahwal as complements to fiqh al-nusus. From a policy perspective, the findings provide a normative basis for Pahang’s religious institutions to systematically assess, filter, and institutionalize custom, thereby strengthening Islam’s legitimacy as a state-based governance system grounded in local realities.*

Keywords: *Local wisdom; ‘urf sahih; Fiqh Watan Pahang; state authority; Islamic governance; maqasid al-shariah.*

Pengenalan

Perbincangan mengenai hubungan antara adat, budaya dan hukum Islam merupakan antara isu klasik dalam tradisi fiqh yang terus kekal relevan dalam wacana kontemporari khususnya dalam konteks masyarakat Islam bukan Arabn (Firdausi, 2026). Dalam banyak kes, pertembungan ini muncul sebagai ketegangan epistemologi antara dua kecenderungan ekstrem: pendekatan literal terhadap nas yang cenderung menolak adat dan budaya secara menyeluruh serta pendekatan kultural yang menerima amalan setempat tanpa penilaian syariah yang sistematik dan berautoriti. Keadaan ini sering menyebabkan hukum Islam dilihat sama ada terlalu kaku dan terpisah daripada realiti masyarakat atau sebaliknya terdedah kepada relativisme budaya yang menjejaskan prinsip tauhid dan *maqasid al-syariah* (Hallaq, 2009; Rahmani & Sayuti, 2025). Dalam konteks Alam Melayu khususnya di Negeri Pahang, permasalahan ini menjadi lebih kompleks kerana adat dan budaya Melayu tidak sekadar berfungsi sebagai warisan sosial tetapi telah lama berperanan sebagai institusi governan yang menyokong kestabilan politik, sosial dan keagamaan sejak era kesultanan Melayu Islam. Adat Melayu Pahang berkembang selari dengan proses Islamisasi dan berfungsi sebagai mekanisme pengurusan masyarakat, penyelesaian konflik serta pemeliharaan tertib sosial. Oleh itu, penilaian terhadap adat tidak boleh dilakukan secara terpisah daripada struktur autoriti negeri dan institusi keagamaan yang sah kerana adat

itu sendiri telah lama diinstitusikan dalam kerangka kuasa dan tadbir urus Islam setempat (Jaafar et al., 2025).

Kemunculan Fiqh Watan Pahang sebagai kerangka fiqh kontekstual menawarkan satu pendekatan alternatif yang lebih seimbang dan berakar dalam realiti tempatan. Kerangka ini mengintegrasikan tiga unsur utama iaitu nas dan *maqasid al-syariah* sebagai autoriti epistemik tertinggi, autoriti *wali al-amr* negeri serta institusi agama sebagai mekanisme pengesahan dan penginstitusian hukum dan *'urf* setempat yang berteraskan kearifan tempatan sebagai sokongan aplikasi fiqh dalam kehidupan masyarakat. Integrasi ini membolehkan hukum Islam berfungsi bukan sahaja sebagai sistem normative tetapi juga sebagai sistem governan budaya dan sosial yang stabil (Kamil et al., 2025; Said et al., 2025).

Artikel ini berhujah bahawa kearifan tempatan apabila dinilai melalui kerangka Fiqh Watan Pahang boleh diiktiraf sebagai *'urf sahih* dan berfungsi sebagai sumber sokongan fiqh serta instrumen pengurusan budaya Islam tempatan (Ramli et al., 2025). Pendekatan ini bukan sahaja mengelakkan ekstremisme tekstual dan relativisme budaya malah memperkukuh peranan Islam sebagai sistem pandangan alam dan tadbir urus negeri yang berautoriti. Dari sudut metodologi, kajian ini menggunakan analisis konseptual dan sintesis literatur bagi membangunkan satu kerangka autoriti bertingkat yang memposisikan kearifan tempatan secara sistematik dalam hierarki hukum Islam berteraskan negeri.

Sorotan Literatur

Kearifan Tempatan: Takrif, Ciri dan Kedudukan Ilmiah

Konsep kearifan tempatan (*local wisdom*) dalam kajian akademik merujuk kepada kebijaksanaan kolektif masyarakat setempat yang terbentuk melalui pengalaman sejarah yang panjang, pemerhatian berulang terhadap realiti sosial serta proses pemikiran aras tinggi yang dilakukan oleh golongan cerdik pandai tempatan. Ia tidak terhad kepada adat kebiasaan yang bersifat rutin tetapi merangkumi nilai, prinsip dan mekanisme penyelesaian masalah yang berfungsi secara praktikal dalam konteks sosial, budaya dan alam sekitar (Yusri, 2022).

Dalam kajian Melayu-Islam, kearifan tempatan sering disempitkan maknanya kepada adat semata-mata sedangkan hakikatnya ia merupakan tahap tertinggi adat iaitu adat yang telah melalui proses pematangan intelektual dan penapisan nilai secara sosial. Amri Marzali (2012) menegaskan bahawa tidak semua adat mengandungi unsur kebijaksanaan kerana adat yang bersifat tidak rasional, tidak berfungsi atau tidak diterima akal masyarakat tidak layak dianggap sebagai kearifan. Oleh itu, kearifan tempatan harus difahami sebagai adat yang rasional, berfungsi dan membawa manfaat nyata kepada masyarakat.

Yusri (2022) memperincikan bahawa kearifan tempatan mempunyai beberapa ciri utama antaranya berasaskan pengalaman kolektif jangka panjang, mengandungi hikmah tersurat dan tersirat, bersifat *tacit knowledge* yang diwarisi secara sosial serta berfungsi sebagai mekanisme kestabilan masyarakat. Ciri-ciri ini membezakan kearifan tempatan daripada adat ritualistik atau kepercayaan pra-Islam yang bersifat khurafat dan tahyul, sekali gus membuka ruang untuk penilaiannya dalam kerangka hukum Islam.

'Urf dalam Tradisi Usul Fiqh Islam

Dalam tradisi usul fiqh, konsep *'urf* merujuk kepada kebiasaan yang diterima oleh masyarakat dan diiktiraf oleh syarak apabila tidak bercanggah dengan nas qat'i. Prinsip *al-'adah*

muhakkamah menegaskan bahawa adat yang sah boleh dijadikan pertimbangan dalam penetapan hukum, khususnya dalam perkara muamalat dan urusan sosial yang tidak ditentukan secara terperinci oleh nas (Haneef et al., 2020). Sarjana fiqh secara umumnya membahagikan ‘urf kepada dua kategori utama iaitu ‘urf *sahih*; adat yang selari dengan syariah dan membawa maslahat dan ‘urf *fasid*, iaitu adat yang bercanggah dengan nas atau prinsip tauhid (Safian et al., 2017). Pembahagian ini memberikan asas normatif yang jelas bagi menilai adat dalam hukum Islam. Walau bagaimanapun, sorotan literatur menunjukkan bahawa perbincangan ‘urf sering kekal pada tahap normatif dan metodologikal, tanpa penelitian mendalam terhadap dimensi autoriti sosial dan institusi yang mengesahkan sesuatu adat. Dalam konteks masyarakat bernegara, persoalan siapakah yang berhak menilai, mengesahkan dan menginstitusikan ‘urf jarang diberi perhatian. Di sinilah konsep kearifan tempatan menawarkan nilai tambah kerana ia menjelaskan bagaimana sesuatu adat terbentuk, diterima dan berfungsi secara rasional dalam masyarakat sebelum dinilai dari sudut hukum.

Fiqh Kontekstual dan Keperluan Fiqh al-Ahwal

Sarjana kontemporari seperti Hallaq (2009) menegaskan bahawa kegagalan membezakan antara teks dan realiti sosial telah melahirkan bentuk fiqh yang terasing daripada masyarakat dan tidak berfungsi sebagai sistem keadilan sosial. Oleh itu, pendekatan *fiqh al-ahwal* atau *fiqh al-waqi* menjadi keperluan bagi memastikan hukum Islam mampu menangani perubahan sosial dan realiti setempat secara berkesan. Dalam konteks Malaysia, gagasan fiqh kontekstual telah diketengahkan melalui konsep Fiqh Malaysia yang menekankan kepentingan sejarah, budaya dan struktur negara dalam penentuan hukum (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2009; 2010). Namun demikian, perbincangan ini masih cenderung menumpukan kepada konteks sosial secara umum tanpa memperincikan peranan adat sebagai institusi governan dan autoriti negeri sebagai mekanisme pengesahan hukum. Fiqh Watan Pahang memperluaskan gagasan ini dengan memasukkan dimensi autoriti negeri dan kearifan tempatan sebagai elemen struktural dalam fiqh kontekstual.

Jurang Kajian

Sorotan literatur menunjukkan sekurang-kurangnya tiga jurang utama. Pertama, ketiadaan kerangka sistematik yang menghubungkan kearifan tempatan dengan autoriti negeri dalam fiqh Islam. Kedua, kecenderungan menilai adat secara dikotomi halal atau haram tanpa analisis terhadap hikmah, rasionaliti dan fungsi sosialnya. Ketiga, kekurangan model operasional yang boleh digunakan oleh institusi agama negeri untuk menilai adat dan budaya secara berautoriti, konsisten dan berasaskan maqasid al-syariah. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan mengisi jurang-jurang tersebut dengan membangunkan kerangka autoriti bertingkat Fiqh Watan Pahang yang memposisikan kearifan tempatan sebagai ‘urf *sahih* yang sah, terkawal dan berfungsi dalam sistem hukum Islam berteraskan negeri.

Jadual 1 : Matriks Sorotan Literatur: Kearifan Tempatan, ‘Urf Dan Fiqh Kontekstual

Pengarang / Tahun	Fokus Kajian	Pendekatan / Kerangka	Dapatan Utama	Had / Jurang Kajian
Yusri (2022)	Kearifan tempatan dalam adat kematian Melayu	Analisis fiqh dan kajian kes	Kearifan tempatan mengandungi hikmah sosial dan selari syariah jika bebas khurafat	Tidak membina kerangka autoriti negeri atau model institusional
Amri Marzali (2012)	Adat & budaya Melayu-Nusantara	Antropologi budaya	Tidak semua adat bersifat rasional; hanya adat berfungsi layak dianggap kearifan	Tiada analisis fiqh atau hubungan dengan hukum Islam
Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2009; 2010)	Fiqh Malaysia & fiqh tempatan	Fiqh kontekstual	Keperluan fiqh mengambil kira konteks sosial & budaya Malaysia	Tidak memperincikan mekanisme autoriti negeri terhadap ‘urf
Wael B. Hallaq (2009)	Teori autoriti hukum Islam	Teori undang-undang Islam	Hukum Islam memerlukan autoriti institusi untuk berfungsi	Tidak mengaplikasikan kepada konteks adat Melayu
Jasser Auda (2008)	Maqasid Syariah	Pendekatan sistem	Penilaian hukum perlu berasaskan maslahat & konteks	Tidak membincangkan adat tempatan secara khusus
Siti Sarah Sulaiman Haneef et al. (2020)	‘Urf dalam fiqh keluarga Malaysia	Analisis metodologi ‘urf	‘Urf diterima jika selari nas & maqasid	Tidak membina model governan atau autoriti bertingkat
Safian et al. (2017)	‘Urf dalam adat tanah	Analisis fiqh	‘Urf boleh jadi hujah sokongan hukum	Pendekatan bersifat normatif, bukan institusional
Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1995)	Adab & worldview Islam	Falsafah Islam	Adab ialah asas tertib ilmu dan masyarakat	Tidak fokus pada ‘urf atau adat sebagai sumber fiqh

Jadual 1 memperlihatkan bahawa literatur berkaitan kearifan tempatan, ‘urf dan fiqh kontekstual berkembang dalam tiga aliran utama. Pertama, aliran kajian kearifan tempatan dan adat (contohnya Yusri, 2022; Amri Marzali, 2012) menekankan fungsi sosial, rasionaliti dan hikmah adat Melayu. Walau bagaimanapun, kajian dalam aliran ini cenderung berhenti pada tahap penerimaan normatif tanpa membina kerangka autoriti fiqh atau institusi yang mengesahkan adat tersebut. Kedua, aliran fiqh kontekstual dan fiqh tempatan (Mahmood Zuhdi

Abdul Majid, 2009; 2010) menegaskan kepentingan konteks sosial dalam penentuan hukum. Namun, perbincangan ini masih umum dan belum memperincikan bagaimana adat tempatan diurus secara berautoriti dalam struktur kenegaraan Islam. Ketiga, aliran teori hukum dan maqasid (Hallaq, 2009; Auda, 2008) menyediakan asas epistemologi yang kukuh tentang autoriti, maslahat dan konteks, tetapi tidak diaplikasikan secara khusus kepada realiti adat Melayu atau governan negeri.

Berdasarkan analisis ini dapat dikenal pasti jurang kajian utama, iaitu:

1. Ketiadaan kerangka autoriti bertingkat yang menghubungkan syariah, *wali al-amr* negeri dan kearifan tempatan.
2. Kekurangan model yang menjelaskan bagaimana '*urf sahih*' diinstitusikan, bukan sekadar dinilai secara teori.
3. Tiadanya kajian yang menyepadukan kearifan tempatan Melayu Pahang secara eksplisit dalam kerangka fiqh governan negeri.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis konseptual dan analisis literatur bagi membina serta menilai kerangka teoretikal yang menjelaskan kedudukan kearifan tempatan sebagai '*urf sahih*' dalam Fiqh Watan Pahang. Reka bentuk ini dipilih kerana objektif kajian tidak bertujuan mengukur tahap pematuhan hukum atau amalan masyarakat secara empirikal, tetapi untuk menghuraikan dan menilai secara kritikal hubungan epistemologi antara adat, autoriti institusi agama dan hukum Islam dalam konteks negeri.

Pendekatan kualitatif ini selari dengan tradisi kajian fiqh dan pemikiran Islam yang berkembang melalui analisis normatif, sintesis konsep dan pemahaman kontekstual, bukannya semata-mata melalui data kuantitatif. Hallaq (2009) menegaskan bahawa hukum Islam terbentuk melalui interaksi antara teks, autoriti dan realiti sosial, manakala kajian fiqh kontemporari di Malaysia turut menekankan integrasi antara *fiqh al-nuṣūṣ* dan *fiqh al-ahwāl* bagi menanggapi realiti setempat secara berfungsi (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2009; 2010).

Sumber data kajian ini diperoleh melalui analisis dokumen dan literatur yang merangkumi karya usul fiqh klasik dan kontemporari berkaitan '*urf*', prinsip *al-'ādah muḥakkamah* dan maqasid al-sharī'ah, di samping dokumen berkaitan autoriti agama negeri seperti konsep *wali al-amr* dan peranan institusi agama dalam penilaian adat. Kajian akademik mengenai kearifan tempatan dan adat Melayu Islam turut dirujuk, khususnya tesis Muhammad Yusri bin Yusof @ Salleh (2022) yang menyediakan asas empirikal dan konseptual penting tentang kearifan tempatan dalam masyarakat Melayu. Selain itu, literatur berkaitan fiqh kontekstual, fiqh tempatan dan governan Islam di Asia Tenggara digunakan bagi memperkukuh kerangka teori kajian (Amri Marzali, 2012; Haneef et al., 2020). Karya pemikiran fiqh kontemporari yang membincangkan hubungan antara hukum, autoriti dan masyarakat pula berfungsi sebagai sumber konseptual sokongan (Auda, 2008; Hallaq, 2009).

Analisis data dijalankan melalui **analisis tematik dan sintesis konseptual** bagi menghubungkan teori fiqh, realiti budaya dan struktur autoriti negeri secara sistematik. Analisis konseptual digunakan untuk menilai definisi, asas epistemologi dan kedudukan konsep utama seperti kearifan tempatan, '*urf ṣaḥīḥ*', Fiqh Watan dan autoriti institusi agama. Seterusnya, sintesis literatur membolehkan penyatuan dapatan pelbagai disiplin kepada satu kerangka yang koheren. Berdasarkan proses ini, kajian **membangunkan** kerangka autoriti bertingkat Fiqh Watan Pahang yang memposisikan syariah dan maqasid sebagai autoriti epistemik tertinggi,

wali al-amr serta institusi agama negeri sebagai autoriti penginstitusian, dan kearifan tempatan sebagai *'urf sahih* yang bersifat bersyarat.

Kesahan kajian dinilai melalui keselarasan hujah, ketepatan rujukan dan koherensi teoretikal, manakala kebolehpercayaan dipastikan melalui dokumentasi metodologi yang jelas, penggunaan konsep fiqh yang mapan serta penghujahan yang boleh diuji semula oleh sarjana lain. Kajian ini terhad kepada analisis konseptual tanpa kajian lapangan, tertumpu kepada konteks Negeri Pahang dan berpaksikan perspektif hukum Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Walau bagaimanapun, kerangka yang dibangunkan berpotensi diaplikasikan dalam konteks negeri-negeri Melayu lain dengan penyesuaian setempat.

Dari sudut etika penyelidikan, kajian ini hanya melibatkan analisis literatur sekunder tanpa subjek manusia secara langsung. Oleh itu, isu persetujuan responden tidak berbangkit, namun integriti akademik dijaga melalui sitasi yang telus, tepat dan selaras dengan piawaian penulisan ilmiah antarabangsa.

Analisis Dan Dapatan: Kerangka Autoriti Bertingkat Fiqh Watan Pahang

Rasional Epistemologi Pembinaan Kerangka Autoriti Bertingkat

Analisis terhadap literatur fiqh dan kajian berkaitan adat menunjukkan bahawa perbincangan mengenai *'urf* dan kearifan tempatan lazimnya terhenti pada persoalan kebolehan penerimaan hukum dalam kerangka halal dan haram, tanpa penjelasan yang memadai tentang siapakah autoriti yang berhak menentukan penerimaan tersebut. Ketiadaan perbincangan mengenai struktur autoriti ini menyebabkan penilaian terhadap adat sering dilakukan secara individualistik, fragmentari dan bergantung kepada kecenderungan mazhab atau orientasi ideologi tertentu, sama ada bercorak literal atau kultural (Safian et al., 2017; Haneef et al., 2020).

Dalam konteks Negeri Pahang, pendekatan sedemikian jelas tidak mencukupi. Adat Melayu Pahang bukan sekadar amalan sosial yang bersifat peribadi, sebaliknya telah berfungsi secara historis sebagai institusi governan Islam yang berakar dalam sistem kesultanan Melayu. Adat memainkan peranan dalam pengurusan masyarakat, penyelesaian konflik, pemeliharaan tertib sosial dan pengukuhan identiti Islam tempatan. Oleh itu, penilaian terhadap kearifan tempatan mesti mengambil kira bukan sahaja keselarasan dengan syariah, tetapi juga autoriti sah negeri yang bertanggungjawab menjaga agama, kestabilan sosial dan kesatuan umat.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Fiqh Watan Pahang secara praktikal telah lama mengoperasikan satu sistem autoriti bertingkat, walaupun kerangka ini tidak dirumuskan secara eksplisit dalam karya terdahulu. Keperluan kepada kerangka sedemikian menjadi jelas bagi mengelakkan konflik tafsiran antara autoriti individu dan institusi, mengekang ekstremisme tekstual yang menolak adat secara menyeluruh, serta mencegah relativisme budaya yang menerima adat tanpa tapisan syariah.

Syariah dan Maqasid Syariah sebagai Autoriti Mutlak

Tahap pertama dalam kerangka autoriti Fiqh Watan Pahang ialah syariah yang merangkumi al-Qur'an, al-Sunnah dan prinsip Maqasid Syariah sebagai autoriti epistemik tertinggi. Analisis mendapati bahawa tiada ruang dalam Fiqh Watan untuk mengiktiraf kearifan tempatan yang bercanggah dengan nas qat'i atau yang menjejaskan prinsip tauhid. Dengan kata lain, budaya dan adat tidak pernah diberikan kedudukan yang mengatasi wahyu.

Pendekatan ini sejajar dengan pemahaman maqasid sebagai falsafah hukum Islam yang menilai segala amalan berdasarkan kesannya terhadap pemeliharaan *al-Daruriyyat al-khams*; agama, nyawa, akal, harta dan maruah (Auda, 2008). Dalam kerangka ini, kearifan tempatan hanya boleh berfungsi dalam wilayah ijtihadi yang tidak ditentukan secara tegas oleh nas, khususnya dalam bidang muamalat, adat dan hubungan sosial.

Dapatan ini menolak tanggapan bahawa Fiqh Watan mengabsahkan budaya secara mutlak. Sebaliknya, ia menegaskan bahawa budaya tunduk kepada syariah, manakala syariah memanfaatkan budaya sebagai medium pelaksanaan hukum dalam ruang yang dibenarkan. Pendekatan ini selari dengan hujah Hallaq (2009) bahawa hukum Islam sentiasa berinteraksi dengan konteks sosial tanpa pernah terpisah daripada autoriti wahyu.

Wali al-Amr dan Institusi Agama Negeri sebagai Autoriti Penginstitusian

Analisis seterusnya menunjukkan bahawa autoriti operasional dalam Fiqh Watan Pahang terletak pada *wali al-amr* negeri iaitu Sultan sebagai Ketua Agama Islam, serta institusi agama negeri seperti Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Dalam kerangka ini, institusi agama tidak berfungsi sebagai penghukum adat secara simplistik, tetapi sebagai penapis epistemik dan normatif yang memastikan keselarasan antara adat, syariah dan maqasid.

Peranan penginstitusian ini merangkumi penilaian keselarasan adat dengan prinsip syariah, pemahaman terhadap konteks sejarah dan fungsi sosial sesuatu amalan, serta pengesahan atau penyesuaian adat melalui mekanisme formal seperti fatwa, garis panduan dan pendidikan awam. Melalui proses ini, adat yang sah dapat diinstitusikan, manakala adat yang bermasalah dapat diperbetulkan atau ditolak secara berautoriti.

Dapatan ini menyokong pandangan bahawa autoriti fiqh dalam konteks politik dan kenegaraan moden memerlukan institusi bagi menjamin keseragaman hukum dan kestabilan sosial (Hallaq, 2009). Tanpa autoriti negeri, penilaian terhadap adat akan terdedah kepada persaingan tafsiran individu, yang akhirnya melemahkan wibawa hukum Islam dan mencetuskan kekeliruan dalam masyarakat.

Kearifan Tempatan sebagai ‘Urf Sahih Bersyarat

Dapatan terpenting kajian ini ialah pengesahan bahawa kearifan tempatan dalam Fiqh Watan Pahang berfungsi sebagai *‘urf sahih* yang bersifat bersyarat, dan bukannya sebagai sumber hukum yang bebas. Kearifan tempatan hanya memperoleh legitimasi fiqh apabila memenuhi beberapa syarat asas.

Pertama, ia mestilah selari dengan syariah dan prinsip tauhid. Sebarang amalan yang mengandungi unsur syirik, khurafat atau tahyul tidak boleh diabsahkan walaupun ia berakar dalam tradisi tempatan atau diamalkan secara turun-temurun (Auda, 2008). Kedua, kearifan tempatan perlu memenuhi kriteria rasionaliti dan hikmah sosial. Ia mesti lahir daripada pengalaman kolektif dan berfungsi secara praktikal dalam menyelesaikan keperluan masyarakat. Amri Marzali (2012) menegaskan bahawa hanya adat yang rasional dan berfungsi layak dianggap sebagai kebijaksanaan, manakala adat ritualistik yang tidak membawa manfaat sosial tidak mencapai tahap kearifan.

Ketiga, kearifan tempatan memerlukan pengesahan institusi negeri. Dalam Fiqh Watan Pahang, sesuatu amalan tidak memperoleh autoriti secara automatik hanya kerana ia bersifat tradisi.

Autoritinya bergantung kepada pengiktirafan oleh institusi agama negeri sebagai pihak yang sah dan bertanggungjawab. Dapatan ini selari dengan hujah Yusri (2022) bahawa kearifan tempatan merupakan tahap tertinggi adat, iaitu adat yang telah disaring oleh akal budi, pengalaman sejarah dan nilai Islam, serta bukan sekadar kesinambungan amalan pra-Islam.

Sintesis Kerangka Autoriti Bertingkat Fiqh Watan Pahang

Berdasarkan analisis keseluruhan, kajian ini merumuskan bahawa Fiqh Watan Pahang beroperasi melalui satu kerangka autoriti bertingkat yang tersusun dan saling melengkapi. Dalam kerangka ini, syariah dan Maqasid Syariah berfungsi sebagai autoriti epistemik tertinggi, wali al-amr dan institusi agama negeri bertindak sebagai autoriti pengesahan dan penginstitusian, manakala kearifan tempatan (*'urf sahih*) berperanan sebagai autoriti sekunder bersyarat dalam governan budaya dan sosial.

Sintesis ini membuktikan bahawa adat dan budaya tidak berada di pinggir fiqh, tetapi juga tidak berada di atas syariah. Sebaliknya, adat berfungsi dalam satu ekosistem autoriti yang tersusun, yang memastikan keseimbangan antara kesetiaan kepada wahyu dan keperluan realiti masyarakat setempat.

Implikasi Dapatan terhadap Teori Fiqh dan Governan Negeri

Dari sudut teoretikal, dapatan kajian ini menyumbang kepada pengembangan fiqh kontemporari dengan memperincikan hubungan antara *'urf*, *maqasid* dan autoriti negeri secara lebih sistematik dan berstruktur. Ia menempatkan kearifan tempatan sebagai elemen epistemologi fiqh, bukan sekadar objek kajian antropologi atau budaya.

Dari sudut governan, kerangka autoriti bertingkat ini menyediakan asas normatif yang kukuh kepada institusi agama negeri untuk menilai adat dan budaya secara berautoriti, mengelakkan konflik ideologi dalam masyarakat, serta memperkukuh legitimasi Islam sebagai sistem tadbir urus negeri. Dengan itu, Fiqh Watan Pahang dapat difahami sebagai satu bentuk fiqh berteraskan wilayah yang stabil, berautoriti dan responsif terhadap realiti masyarakat, tanpa mengorbankan prinsip tauhid dan syariah.

Jadual 2 : Matriks Analisis Kerangka Autoriti Bertingkat Fiqh Watan Pahang

Huraian Analitik Jadual 2

Tahap Autoriti	Komponen Utama	Fungsi Dalam Fiqh Watan Pahang	Kedudukan Kearifan Tempatan	Implikasi Fiqh & Governan
<i>Tahap I: Autoriti Epistemik Tertinggi</i>	Syariah (al-Qur'an, al-Sunnah) & Maqasid al-Syariah	Menetapkan prinsip mutlak hukum, sempadan halal dan haram serta tujuan hukum	Tidak berdiri di tahap ini	Menjamin tauhid, menolak syirik, khurafat dan adat bercanggah nas
<i>Tahap II: Autoriti Penginstitusian</i>	Wali al-Amr Negeri (Sultan), Institusi Agama Negeri (MUIP, Jawatankuasa Fatwa)	Menilai, menapis, mengesahkan dan menginstitusikan amalan	Menjadi penentu sah atau tidaknya kearifan tempatan	Menjamin keseragaman hukum, kestabilan sosial dan

				legitimasi agama
<i>Tahap III: Autoriti Sekunder Bersyarat</i>	Kearifan Tempatan / Adat Melayu Pahang ('Urf)	Menyokong aplikasi hukum dalam konteks sosial dan budaya setempat	Diiktiraf sebagai ' <i>urf sahih</i> apabila memenuhi syarat	Memperkukuh keharmonian sosial, governan budaya dan fiqh al-ahwāl
<i>Wilayah Operasi</i>	Muamalat, kebajikan sosial, adat, governan komuniti	Ruang ijtihadi dan pelaksanaan praktikal	Berfungsi secara aktif	Mengelakkan kekakuan fiqh dan konflik budaya
<i>Had Operasi</i>	Nas qat'i, prinsip tauhid, maqasid	Sempadan mutlak penerimaan	Ditolak jika bercanggah	Menolak relativisme budaya dan ekstremisme literal

Jadual 2 memperlihatkan secara sistematik bagaimana Fiqh Watan Pahang beroperasi melalui satu struktur autoriti bertingkat, dan bukannya melalui penilaian adat secara rawak atau individualistik. Matriks ini membantu pembaca memahami bahawa peranan kearifan tempatan tidak bersifat mutlak, tetapi terikat dalam ekosistem autoriti fiqh yang tersusun.

Pada Tahap I, syariah dan maqasid syariah berfungsi sebagai autoriti epistemik tertinggi. Di tahap ini, tiada ruang untuk kearifan tempatan beroperasi secara bebas kerana fungsi utama tahap ini ialah menetapkan prinsip asas hukum, menjaga tauhid serta menentukan sempadan yang tidak boleh dilangkaui oleh adat atau budaya. Ini menolak sebarang tanggapan bahawa Fiqh Watan mengabsahkan budaya secara mutlak atau tanpa tapisan syariah.

Tahap II merupakan ciri paling signifikan dalam kerangka Fiqh Watan Pahang iaitu pengiktirafan autoriti wali al-amr negeri dan institusi agama sebagai pihak yang berhak mengesahkan dan menginstitusikan penerimaan kearifan tempatan. Pada tahap ini, kearifan tempatan dinilai bukan sahaja dari sudut teks dan maqasid, tetapi juga dari sudut kestabilan sosial, sejarah amalan, serta implikasi governan. Kehadiran tahap ini mengelakkan fragmentasi autoriti fiqh dan memastikan bahawa penerimaan '*urf* berlaku secara berlegitimasi dan berinstitusi.

Pada Tahap III, kearifan tempatan berfungsi sebagai **autoriti sekunder bersyarat**. Ia diiktiraf sebagai '*urf sahih* hanya apabila memenuhi tiga kriteria utama: keselarasan dengan syariah, rasionaliti dan hikmah sosial serta pengesahan institusi agama negeri. Di sinilah *fiqh al-ahwal* beroperasi secara aktif, membolehkan hukum Islam diaplikasikan secara realistik tanpa mengorbankan prinsip asas agama.

Baris wilayah operasi dan had operasi dalam matriks ini memperjelaskan bahawa kearifan tempatan hanya berfungsi dalam ruang muamalat, adat dan governan sosial serta terhenti secara mutlak apabila bertembung dengan nas qat'i atau prinsip tauhid. Penjelasan ini amat penting untuk membezakan Fiqh Watan Pahang daripada pendekatan relativisme budaya di satu pihak dan ekstremisme literal di pihak yang lain.

Secara keseluruhan, matriks ini membantu pembaca melihat bahawa Subtopik 4 bukan sekadar huraian teori tetapi satu model analitik dan operasional yang menjelaskan bagaimana kearifan tempatan Melayu Pahang boleh diinstitusikan sebagai *'urf sahih* dalam sistem fiqh yang berautoriti, stabil dan berfungsi.

Perbincangan Teoritik dan Implikasi Kepada Negeri Pahang

Kearifan Tempatan sebagai Aplikasi Nyata *'Urf Sahih* dalam Fiqh Watan Pahang
Perbincangan teoretikal mengenai kearifan tempatan sebagai *'urf sahih* dalam Fiqh Watan Pahang menjadi lebih kukuh apabila dianalisis melalui contoh-contoh amalan sebenar masyarakat Melayu Pahang yang telah berfungsi secara stabil, rasional dan selari dengan prinsip syariah. Analisis terhadap amalan-amalan ini menunjukkan bahawa kearifan tempatan bukan sekadar konstruksi teori, tetapi telah lama beroperasi sebagai mekanisme praktikal fiqh al-ahwal dalam kehidupan masyarakat.

Sebagai contoh, amalan kenduri arwah dan tahlil dalam masyarakat Melayu Pahang memperlihatkan bagaimana adat setempat berfungsi dalam ruang muamalat dan kebajikan sosial tanpa menjejaskan prinsip tauhid. Kajian Yusri (2022) membuktikan bahawa amalan ini berasaskan doa, sedekah dan sokongan sosial serta tidak mengandungi unsur pemujaan roh atau kepercayaan khurafat. Dalam kerangka Fiqh Watan Pahang, penerimaan amalan ini sebagai *'urf sahih* berasaskan pertimbangan maqasid khususnya pemeliharaan agama melalui doa, pemeliharaan jiwa melalui sokongan emosi, dan pemeliharaan harta melalui perkongsian beban masyarakat (Auda, 2008; Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2010).

Contoh ini menolak kecenderungan fiqh literal yang menilai adat semata-mata berdasarkan ketiadaan dalil khusus, serta menunjukkan bagaimana institusi agama negeri berperanan memastikan amalan tersebut kekal dalam kerangka syariah melalui penegasan niat dan penghapusan unsur khurafat.

Kearifan Tempatan sebagai Mekanisme Kestabilan Sosial dan Governan Budaya
Selain amalan kematian tradisi gotong-royong (kerja kampung) dalam masyarakat Melayu Pahang memperlihatkan kearifan tempatan sebagai *'urf sahih* yang berfungsi mengekalkan kestabilan sosial. Amalan ini bukan sekadar adat kebiasaan, tetapi sistem nilai yang menyokong prinsip *ta'āwun*, tanggungjawab kolektif (*fardu kifayah*) dan keadilan sosial. Dari sudut maqasid, gotong-royong menyumbang kepada pemeliharaan nyawa, harta dan keharmonian masyarakat, serta mencegah fragmentasi sosial akibat individualisme (Amri Marzali, 2012; Auda, 2008).

Dalam Fiqh Watan Pahang, penerimaan amalan ini sebagai *'urf sahih* menunjukkan bahawa fiqh tidak terhad kepada hukum ibadah, tetapi merangkumi tata kelola sosial yang membentuk masyarakat Islam berfungsi. Pendekatan ini selari dengan pandangan bahawa hukum Islam beroperasi sebagai sistem sosial yang memerlukan kerjasama dan solidariti sebagai prasyarat keadilan (Hallaq, 2009).

Musyawahar Kampung dan Autoriti Setempat dalam Fiqh Watan
Satu lagi manifestasi penting kearifan tempatan Melayu Pahang ialah tradisi bermusyawahar dalam menyelesaikan isu kampung yang melibatkan ketua kampung, imam dan orang tua. Amalan ini memperlihatkan bagaimana prinsip *al-shūrā* diterjemahkan secara kontekstual dalam governan mikro masyarakat tanpa memerlukan struktur perundangan formal.

Dalam kerangka Fiqh Watan Pahang, musyawarah ini diiktiraf sebagai '*urf sahih*' kerana ia:

1. selari dengan prinsip syariah mengenai keadilan dan rundingan,
2. mengurangkan konflik sosial,
3. serta menghormati autoriti setempat yang sah.

Amalan ini juga menyokong hujah bahawa autoriti dalam Islam tidak bersifat individualistik, tetapi berasaskan pengiktirafan sosial dan institusi (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2009; Hallaq, 2009). Oleh itu, Fiqh Watan Pahang mengiktiraf kearifan tempatan bukan sebagai pesaing autoriti negeri tetapi sebagai lanjutan autoriti dalam skala komuniti.

Adab, Hirarki Sosial dan Epistemologi Tertib dalam Islam Melayu Pahang

Kearifan tempatan Melayu Pahang turut dizahirkan melalui penekanan terhadap adab dan penghormatan kepada hirarki sosial khususnya terhadap orang tua, imam dan pemimpin adat. Walaupun tidak dikodifikasikan secara tekstual dalam nas, adat ini selari dengan konsep adab sebagai asas keadilan epistemologi dan sosial dalam Islam.

Al-Attas (1995) menegaskan bahawa adab ialah pengenalan dan pengiktirafan kedudukan sesuatu secara tepat. Dalam Fiqh Watan Pahang, adat penghormatan ini diterima sebagai '*urf sahih*' kerana ia mengekalkan tertib sosial, menyokong fungsi institusi agama dan mengelakkan kekacauan autoriti. Namun, penerimaannya bersifat bersyarat; ia ditolak apabila berubah menjadi taksu atau kezaliman, sejajar dengan prinsip maqasid dan keadilan (Arba'iyah Mohd Noor, 2011; Hashim & Husain, 2023).

Implikasi Polisi kepada Institusi Agama dan Governan Negeri Pahang

Penyepaduan contoh-contoh kearifan tempatan ini mempunyai implikasi polisi yang jelas kepada Negeri Pahang. Pertama, ia menyediakan asas normatif kepada institusi agama negeri seperti MUIP dan Jawatankuasa Fatwa untuk menilai adat secara berperingkat, bukan secara binari (diterima/ditolak). Pendekatan ini meningkatkan legitimasi institusi agama dan mengurangkan ketegangan ideologi dalam masyarakat.

Kedua, pengiktirafan '*urf sahih*' yang berasaskan kearifan tempatan membolehkan penginstitutionan adat sah melalui fatwa, garis panduan dan pendidikan awam, sekali gus memelihara identiti Melayu Islam Pahang tanpa mengorbankan prinsip syariah. Ini mengukuhkan peranan wali al-amr dalam menjaga agama dan kestabilan sosial negeri (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2009).

Ketiga, dari sudut governan budaya, Fiqh Watan Pahang berfungsi sebagai mekanisme moderasi yang menapis pengaruh ekstremisme tekstual dan relativisme budaya. Kearifan tempatan yang disahkan institusi menjadi benteng epistemologi terhadap ideologi transnasional yang terasing daripada konteks sejarah dan budaya tempatan.

Secara keseluruhan, penyepaduan contoh-contoh kearifan tempatan Melayu Pahang membuktikan bahawa '*urf sahih*' dalam Fiqh Watan Pahang bukan sekadar konsep normatif, tetapi realiti hidup yang telah lama berfungsi dalam masyarakat. Kearifan tempatan, apabila ditapis oleh syariah dan diinstitutionkan oleh autoriti negeri, berperanan sebagai instrumen fiqh, governan dan pembinaan tamadun Islam setempat.

Bahagian ini mengukuhkan hujah bahawa Fiqh Watan Pahang ialah fiqh berautoriti, berakar dalam realiti, dan relevan untuk pengurusan agama dan masyarakat Islam kontemporari.

Jadual 3 : Matriks Perbincangan Teoretikal Dan Implikasi Polisi Fiqh Watan Pahang

Dimensi Perbincangan	Dapatan Utama Kajian	Hujah / Asas Teoretikal	Implikasi Polisi Negeri Pahang	Sumbangan Kepada Fiqh & Governan
Epistemologi Fiqh	Kearifan tempatan ialah 'urf sah bersyarat	Fiqh al-ahwal melengkapi fiqh al-nusus	Polisi agama menilai adat secara kontekstual, bukan literal	Mengukuhkan fiqh sebagai sistem hidup
Autoriti Hukum	Autoriti bertingkat: syariah → wali al-amr → 'urf	Hukum memerlukan autoriti institusi	Fatwa & garis panduan adat disahkan institusi negeri	Menjamin keseragaman & legitimasi hukum
Pengurusan Adat & Budaya	Adat berfungsi sebagai governan sosial	'Urf diterima jika rasional & bermaslahat	Penginstitutionan adat sah (kenduri arwah, gotong-royong, musyawarah)	Budaya menjadi alat kestabilan sosial
Moderasi Ideologi	Fiqh Watan menolak ekstremisme & relativisme	Maqasid & wasatiyyah sebagai prinsip penimbang	Polisi mengekang ideologi transnasional tidak kontekstual	Memelihara keharmonian masyarakat
Peranan Institusi Agama	Institusi agama sebagai penapis, bukan pemusnah adat	Wali al-amr menjaga agama & masyarakat	Pendekatan berperingkat dalam penilaian adat	Memperkuhkan kepercayaan awam
Identiti Negeri	Kearifan tempatan sebahagian identiti Melayu Islam	Adab & tertib sebagai asas tamadun	Polisi budaya berteraskan Islam tempatan	Memperkuhkan jati diri negeri

Huraian Analitik Jadual 3

Jadual 3 memperlihatkan bagaimana dapatan kajian dalam Subtopik 4 diterjemahkan kepada perbincangan teoretikal dan implikasi polisi yang praktikal khususnya dalam konteks Negeri Pahang. Matriks ini membantu pembaca melihat kesinambungan hujah daripada teori fiqh kepada tadbir urus institusi secara sistematik.

Pada dimensi epistemologi fiqh, kajian ini menunjukkan bahawa pengiktirafan kearifan tempatan sebagai '*urf sahih*' menegaskan keperluan *fiqh al-ahwal* untuk melengkapi pembacaan tekstual hukum. Implikasi polisinya ialah institusi agama negeri tidak lagi terikat kepada pendekatan binari (haram-halal), sebaliknya menggunakan penilaian berasaskan konteks, fungsi sosial dan maqasid. Pendekatan ini memperkuhkan fiqh sebagai sistem yang responsif terhadap realiti masyarakat (Auda, 2008; Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2009).

Dari sudut autoriti hukum, matriks ini menjelaskan bahawa penerimaan adat tidak berlaku secara individu atau tidak formal, tetapi melalui autoriti bertingkat yang berpusat pada wali al-amr negeri. Ini memberi implikasi polisi yang jelas: fatwa, garis panduan dan keputusan berkaitan adat mesti melalui institusi sah seperti MUIP dan Jawatankuasa Fatwa. Kesannya ialah keseragaman hukum dan kestabilan sosial dapat dikekalkan, selari dengan hujah bahawa hukum Islam memerlukan struktur autoriti untuk berfungsi dalam masyarakat moden (Hallaq, 2009).

Dimensi pengurusan adat dan budaya memperlihatkan bagaimana contoh-contoh kearifan tempatan seperti kenduri arwah, gotong-royong dan musyawarah kampung boleh diinstitutionkan

sebagai amalan sah. Di sini, budaya tidak lagi dianggap ancaman kepada agama tetapi alat governan sosial yang menyokong pelaksanaan nilai Islam secara berakar dalam masyarakat (Yusri, 2022).

Aspek moderasi ideologi pula menunjukkan bahawa Fiqh Watan Pahang berfungsi sebagai mekanisme penimbang antara ekstremisme tekstual dan relativisme budaya. Dari sudut polisi, kerangka ini memberi justifikasi normatif kepada negeri untuk menapis pengaruh ideologi transnasional yang terasing daripada konteks tempatan, sekali gus memelihara keharmonian dan kestabilan masyarakat Islam.

Peranan institusi agama yang digariskan dalam matriks ini menegaskan peralihan daripada pendekatan pemusnahan adat kepada pendekatan penapisan dan penginstitutionan. Ini meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi agama kerana keputusan yang dibuat dilihat adil, rasional dan berasaskan realiti setempat.

Akhir sekali, dimensi identiti negeri menunjukkan bahawa kearifan tempatan bukan elemen sampingan, tetapi sebahagian daripada pembinaan identiti Melayu Islam Pahang. Polisi budaya yang berpaksikan Fiqh Watan membolehkan negeri mengekalkan jati diri Islam tempatan dalam arus globalisasi tanpa mengorbankan prinsip syariah.

Jadual 4 : Matriks Sokongan: Operasionalisasi Fiqh Watan Pahang Dalam Polisi Negeri

Isu / Domain Polisi	Kearifan Tempatan Berkaitan	Status ('Urf)	Fiqh	Pendekatan Fiqh Watan	Tindakan Polisi Disyorkan (Negeri Pahang)
Isu / Domain Polisi	Kearifan Tempatan Berkaitan	Status Fiqh ('Urf)	Fiqh Watan	Pendekatan Fiqh Watan	Tindakan Polisi Disyorkan (Negeri Pahang)
Pengurusan Adat Kematian	Kenduri arwah, gotong-royong kematian	'urf bersyarat	sahih	Penilaian maqasid + niat + fungsi sosial	Garis panduan rasmi: dibenarkan selagi bebas khurafat
Keharmonian Sosial Kampung	Gotong-royong, kerja kampung	'Urf <i>ṣaḥīḥ</i>		Ta'āwun & fardu kifayah	Diiktiraf sebagai amalan sosial Islam
Penyelesaian Konflik Setempat	Musyawarah kampung, peranan orang tua	'Urf <i>ṣaḥīḥ</i>		Shūrā + autoriti setempat	Disokong sebagai mekanisme pra-litigation
Tertib Sosial & Adab	Hormat orang tua, imam, pemimpin adat	'urf bersyarat	sahih	Konsep adab & keadilan	Diterima selagi tidak menzalimi
Pengurusan Masjid & Surau	Susunan jemaah, adat setempat masjid	'Urf <i>ṣaḥīḥ</i>		Sadd al-dhara'i + tertib ibadah	Panduan fleksibel berasaskan konteks
Penapisan Budaya Baharu	Amalan import / ideologi luar	Bukan 'urf <i>ṣaḥīḥ</i>		Fiqh Watan sebagai penapis	Saringan syariah & konteks tempatan
Pendidikan Agama Awam	Tradisi pengajian kampung	'Urf <i>ṣaḥīḥ</i>		Dakwah hikmah	Modul pendidikan agama tempatan

Jadual 4 berfungsi sebagai matriks operasional yang menunjukkan bagaimana dapatan teoretikal dalam Subtopik 5 boleh diterjemahkan kepada tindakan polisi sebenar oleh Negeri Pahang. Jika Jadual 3 menumpukan kepada perbincangan aras teori dan implikasi makro, Jadual 4 pula memfokuskan kepada aplikasi mikro dan institusi.

Pertama, matriks ini menunjukkan bahawa banyak isu sosial yang sering diperdebatkan secara ideologi seperti kenduri arwah atau adat masjid sebenarnya telah lama berfungsi sebagai '*urf sahih*'. Melalui pendekatan Fiqh Watan, isu-isu ini tidak perlu diperdebatkan secara polemik, sebaliknya diurus melalui garis panduan rasmi berasaskan maqasid dan fungsi sosial (Yusri, 2022; Auda, 2008).

Kedua, matriks ini memperlihatkan peranan Fiqh Watan sebagai mekanisme penapisan budaya, bukan sekadar pengesahan adat lama. Amalan baharu atau ideologi import yang tidak berakar dalam konteks Melayu Pahang dinilai secara kritikal, memastikan bahawa hanya budaya yang selari dengan syariah dan realiti tempatan boleh diterima. Ini penting bagi mengelakkan relativisme budaya dan dominasi ideologi transnasional (Hallaq, 2009).

Ketiga, dari sudut governan institusi, Jadual 4 membantu institusi agama negeri memahami bahawa tugas mereka bukan memusnahkan adat, tetapi:

- menilai,
- menyesuaikan,
- dan menginstitusikan amalan sah.
-

Pendekatan ini meningkatkan kepercayaan awam, mengurangkan konflik masyarakat–institusi, dan menjadikan Islam sebagai sistem tadbir urus yang hidup serta berfungsi.

Secara keseluruhan, matriks ini mengukuhkan hujah Subtopik 5 bahawa Fiqh Watan Pahang ialah kerangka fiqh operasional, bukan sekadar teori normatif, dan mampu memandu polisi negeri secara praktikal, berautoriti dan kontekstual.

Jadual Sintesis 5 : Matrik Dapatan, Kerangka Teoretikal, Implikasi Polisi Fiqh Watan Pahang & Kearifan Tempatan Sebagai '*Urf Sahih*'

<i>Domain Isu</i>	<i>Kearifan Tempatan (Empirik)</i>	<i>Status Fiqh ('Urf)</i>	<i>Kerangka Teoretikal Digunakan</i>	<i>Autoriti Penentu</i>	<i>Implikasi Polisi Negeri Pahang</i>	<i>Hasil Governan</i>
Adat kematian	Kenduri arwah, tahlil, gotong-royong	' <i>urf sahih</i> ' bersyarat	Maqasid + fiqh ahwal	MUIP / Jawatankuasa Fatwa	Garis panduan rasmi: dibenarkan selagi bebas khurafat	Keharmonian sosial, legitimasi agama
Solidariti sosial	Gotong-royong, kerja kampung	' <i>Urf ṣaḥīḥ</i> '	Ta'āwun, fardu kifayah	Institusi agama & pentadbiran daerah	Pengiktirafan sebagai amalan sosial Islam	Modal sosial masyarakat
Penyelesaian konflik	Musyawarah kampung	' <i>Urf ṣaḥīḥ</i> '	Shūrā, keadilan sosial	Ketua agama setempat + negeri	Diguna sebagai mekanisme pra-litigasi	Pencegahan konflik

Tertib & adab	Hormat orang tua, imam, pemimpin adat	'urf <i>sahih</i> bersyara t	Konsep adab & keadilan	Wali al-amr	Diterima selagi tidak menzalimi	Kestabilan autoriti
Tadbir masjid	Susunan jemaah, adat pengurusan	'Urf <i>ṣaḥīḥ</i>	Sadd al-dhara'i, tertib ibadah	MUIP / JAIP	Panduan fleksibel ikut konteks	Kelancaran ibadah
Budaya baharu	Amalan import / ideologi luar	Bukan 'urf <i>sahih</i>	Fiqh Watan sebagai penapis	Institusi agama negeri	Penapisan budaya & dakwah	Menangani ekstremisme
Pendidikan agama	Pengajian kampung, tradisi tempatan	'Urf <i>ṣaḥīḥ</i>	Dakwah hikmah	Institusi agama	Modul pendidikan Islam tempatan	Penguatan identiti negeri

Huraian Ringkas Jadual Sintesis 5

Jadual sintesis ini menggabungkan keseluruhan hujah Subtopik 3 dan 4 ke dalam satu paparan visual yang menunjukkan bahawa:

1. Kearifan tempatan bukan unsur pinggir, tetapi data empirik utama.
2. Status 'urf ditentukan secara berperingkat, bukan binari.
3. Kerangka Fiqh Watan Pahang berfungsi sebagai jambatan antara teori fiqh dan tindakan polisi.
4. Autoriti negeri (wali al-amr & institusi agama) ialah faktor pemutus.
5. Hasil akhir ialah kestabilan sosial, legitimasi agama dan governan budaya yang berfungsi.

Kesimpulan

Kajian ini telah menghujahkan bahawa kearifan tempatan Melayu Pahang boleh diiktiraf secara sah sebagai 'urf *sahih* apabila dinilai dan diinstitusikan melalui kerangka Fiqh Watan Pahang yang berteraskan syariah, Maqasid Syariah dan autoriti wali al-amr negeri. Melalui analisis konseptual dan sintesis literatur, artikel ini menunjukkan bahawa kearifan tempatan bukan sekadar adat kebiasaan atau fenomena budaya, tetapi merupakan kebijaksanaan sosial yang berfungsi dalam wilayah ijtihadi, khususnya dalam muamalat, kebajikan sosial dan governan komuniti.

Dapatan utama kajian memperincikan kerangka autoriti bertingkat yang memposisikan: (i) syariah dan maqasid sebagai autoriti epistemik tertinggi; (ii) wali al-amr serta institusi agama negeri sebagai autoriti pengesahan dan penginstitution; dan (iii) kearifan tempatan sebagai 'urf *sahih* bersyarat yang menyokong pelaksanaan hukum dan kestabilan sosial. Kerangka ini menolak dua ekstrem yang sering mencirikan perbincangan adat penolakan literal terhadap budaya tanpa analisis konteks, dan penerimaan relativistik terhadap budaya tanpa tapisan Syariah dengan menawarkan pendekatan fiqh yang berautoriti, kontekstual dan berfungsi (Hallaq, 2009; Auda, 2008).

Dari sudut sumbangan teoretikal, kajian ini memperluas wacana 'urf dalam fiqh kontemporari dengan menekankan dimensi autoriti institusi dan fiqh al-ahwal sebagai pelengkap kepada *fiqh al-nuṣūṣ*. Ia memposisikan kearifan tempatan sebagai komponen epistemologi fiqh, bukan sekadar objek antropologi, sekali gus memperkukuh Fiqh Watan Pahang sebagai fiqh

berteraskan wilayah yang sah dan koheren dalam tradisi Islam (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2009; 2010).

Dari sudut sumbangan metodologi, kajian ini menunjukkan keberkesanan pendekatan analisis konseptual dan sintesis literatur dalam membangunkan model fiqh operasional yang responsif terhadap konteks negeri. Penggunaan kerangka autoriti bertingkat menyediakan alat analitik yang boleh direplikasi atau disesuaikan untuk kajian wilayah lain di Alam Melayu, dengan mengambil kira variasi adat, struktur institusi dan sejarah setempat (Haneef et al., 2020).

Dari sudut implikasi polisi, dapatan kajian menyediakan asas normatif yang kukuh kepada institusi agama Negeri Pahang seperti MUIP dan Jawatankuasa Fatwa Negeri untuk menilai adat dan budaya secara berperingkat, sistematik dan berautoriti. Pengiktirafan '*urf sahih*' yang berasaskan kearifan tempatan membolehkan penginstitusian adat sah melalui fatwa, garis panduan dan pendidikan awam, seterusnya memelihara identiti Melayu Islam Pahang sambil mengekang konflik ideologi dan pengaruh ekstremisme transnasional yang terasing daripada konteks tempatan (Al-Attas, 1995).

Walaupun kajian ini terhad kepada analisis konseptual dan konteks Negeri Pahang, kerangka yang dibangunkan mempunyai potensi peluasan untuk kajian perbandingan antara negeri-negeri Melayu lain atau aplikasi empirikal melalui kajian lapangan dan analisis polisi. Kajian lanjutan juga boleh menilai keberkesanan kerangka ini dalam pengurusan isu kontemporari seperti transformasi sosial, pluralisme budaya dan tadbir urus institusi agama.

Kesimpulannya, artikel ini menegaskan bahawa Fiqh Watan Pahang menawarkan satu model fiqh yang berakar dalam realiti, berautoriti dari sudut institusi, dan setia kepada prinsip tauhid serta syariah. Dengan menginstitusikan kearifan tempatan sebagai '*urf sahih*' bersyarat, Fiqh Watan Pahang berupaya berfungsi sebagai kerangka fiqh yang stabil, moderat dan relevan bagi pengurusan agama dan masyarakat Islam kontemporari.

Senarai Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Amri Marzali. (2012). Kategori adat dalam budaya Melayu-Nusantara. *Jurnal Pengajian Melayu*, 23(1), 1–25.
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-shariah as philosophy of Islamic law: A systems approach*. London: The International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Hallaq, W. B. (2009). *An introduction to Islamic law*. Cambridge: Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511800467>
- Haneef, S. S. S., Sitiris, M., & Yunus, S. M. (2020). Local family fiqh in Malaysia: An analysis of ‘urf methodological framework. *Journal of Islam in Asia*, 17(3), 117–133. <https://doi.org/10.31436/jia.v17i3.876>
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2009). Fiqh Malaysia: Konsep dan cabaran. Dalam *Fiqh Malaysia ke arah pembinaan fiqh tempatan yang terkini* (hlm. 1–25). Kuala Lumpur: Al-Bayan.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2010). *Transformasi fiqh semasa*. Selangor: PTS Publications.
- Muhammad Yusri bin Yusof @ Salleh. (2022). *Analisis unsur kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Melayu dari perspektif hukum Islam* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Safian, Y. H. M., Rahman, A. A., & Ismail, M. Z. (2017). Kajian ‘urf sebagai justifikasi penerimaan dalam adat tanah: Analisis fiqh. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5(1), 1–15.
- Firdausi, M. A. (2026). Relasi Budaya Hukum Islam dan Hukum Adat di Pantura: Studi Atas Penyelesaian Sengketa di Masyarakat. *JURISY: Jurnal Ilmiah Syariah*, 6(1), 16–33.
- Kamil, I. M. M., Yusof, A., Muhammad, A., & Rahim, R. A. A. (2025). Perkembangan Teori Fiqh Al-Watan Di Negeri Pahang: Satu Pemerhatian Epistemologikal. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, 3(3), 171–181.
- Rahmani, I., & Sayuti, H. (2025). Integrasi Nilai Islam Dan Budaya Lokal Terhadap Hak Asuh Anak Pascaperceraian Perspektif Hukum Islam. *Maqasid: Jurnal Studi Hukum Islam*, 14(3), 237–250.
- Jaafar, A., Azalan, A. S., Sukri, S. J. M., Nadzri, N., Lot, N., Muhammad, A., & Rahim, R. A. A. (2026). Epistemologi Fiqh al-Bi’ah Sebagai Komponen Fiqh al-Watan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 9(1), 23–32.
- Ramli, M.A., Mustapha, A., Kasa, A. R., Abd Razak, M. I., Hassan, P., Abidin, M. Z. H.Z. & Salleh, M.Y.Y. (2025). Fiqh Watan dan identiti keislaman masyarakat Melayu Pahang: Suatu kajian berasaskan kearifan tempatan. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 1(1), 1–16.
- Hashim, W. A. F., & Husain, W. (2023). Analisis Hukum Kanun Pahang dari Aspek Ciri Perlembagaan Moden [Analysis of The Law of The Pahang Code from The Aspect of Modern Constitutional Features]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 220–233.
- Said, M. H. M., Abd Jalal, A. F., Kamil, I. M. M., & Rahim, R. A. A. (2025). Museums and the Empowerment of Islamic Historical Heritage in Pahang. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 117–125.